

04 JUN 1999

#### MAHATHIR PULANG DARI JEPUN

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di tanahair hari ini selepas melakukan lawatan tujuh hari ke Jepun.

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada pukul 6.30 petang tadi disambut oleh Menteri-menteri Kabinet dan para pegawai kanan kerajaan.

Pada peringkat awal lawatan itu, Dr Mahathir mengunjungi Nagoya dan melawat Muzium Industri dan Teknologi Toyota, iaitu syarikat gergasi auto.

Beliau juga menemui para pelajar Malaysia di sana sebelum berlepas ke Tokyo untuk bertemu Naib Menteri Kewangan Jepun Eisuke Sakakibara.

Dr Mahathir turut menemui sekumpulan pengarang dari lapan organisasi media dan kemudian mengadakan persidangan akhbar mengenai buku terbaru beliau bertajuk "A New Deal for Asia".

Semalam, Perdana Menteri menyampaikan ucap tama di persidangan antarabangsa mengenai "Masa Depan Asia" anjuran Nihon Keizai Shimbun (Nikkei), organisasi media utama di Jepun.

Beliau juga mengadakan pertemuan selama 30 minit dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi. Mereka turut membincangkan isu-isu dua hala.

-- BERNAMA

AR NAK